

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI]

TARIKH : 29 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada terdapat perancangan untuk menyediakan 10,000 buah bas tambahan bagi seluruh negara, untuk menambah baik jaringan dan keberkesanan pengangkutan awam terutama sekali di kawasan bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua

1. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah bas yang aktif dan beroperasi adalah sebanyak 42,169 buah bas. Ianya melibatkan pecahan kategori bas berhenti – henti sebanyak 4,720, bas catar 192, bas ekpress 3,655, bas pekerja 14,985, bas pengantara 61, bas persiaran 5,116 dan bas sekolah 13,440.
2. Terdapat perkhidmatan bas berhenti-henti ditawarkan bagi menambah baik jaringan dan keberkesanan pengangkutan awam terutama sekali di kawasan bandar. Perkhidmatan bas berhenti-henti merupakan salah satu mod pengangkutan yang melengkapkan sistem pengangkutan awam di negara ini. Bagi memastikan liputan perkhidmatan bas berhenti-henti di bandar-bandar utama sentiasa ditambahbaik, Kerajaan sejak tahun 2015 telah melaksanakan Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST) di Kangar, Seremban, Ipoh, Kuala Terengganu dan Johor Bahru. Program SBST juga akan diperluas ke negeri Melaka, Kuching dan Kota Kinabalu bermula pada tahun 2023.
3. Bagi memastikan liputan perkhidmatan bas berhenti-henti terutamanya bagi laluan-laluan di luar bandar terus tersedia, Kerajaan turut menyalurkan Dana Sokongan Sementara Bas Berhenti-henti (ISBSF) kepada pengendali yang layak bagi menampung kos pengendali terlibat.
4. Antara inisiatif yang diterajui oleh Rapid Bus (anak syarikat Kumpulan Prasarana) bagi menambah baik kelestarian dan juga kesalinghubungan perkhidmatan bas di kawasan bandar adalah *Rapid Bus Fleet Replacement Programme*.
5. Inisiatif ini memperlihat perancangan untuk memperoleh bas elektrik dan juga bas diesel tambahan yang akan dilaksanakan secara berperingkat bermula tahun 2023. Namun begitu, inisiatif ini hanya memfokuskan kepada penggantian bas yang sudah berusia dan tidak ekonomi untuk dibaiki. Selain itu, pembelian bas baharu ini juga bertujuan

NO. SOALAN: 31

untuk memenuhi keperluan operasi yang telah dikenal pasti. Antara keperluan yang dimaksudkan termasuklah penyediaan bas perantara bagi rangkaian LRT Shah Alam (LRT3) yang akan beroperasi kelak.

Sekian, terima kasih.